



Rakan **HISBAH**

MEI 2011

Maklumat Informasi Terkini

HISBAH ?

www.bkawm2u.blogspot.com

Hisbah merupakan suatu gerak kerja untuk menegakkan perkara-perkara makruf dan mencegah kemungkaran yang disyarakkan oleh Islam. Ini dibuktikan oleh al-Quran dalam Surah Ali Imran ayat 110 yang bermaksud:

"Kamu ialah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada makruf dan mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah. Sekiranya ahli kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka. Ada di kalangan mereka yang beriman namun kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik. ”.

Dari sudut perbincangan ulama tentang pengertian Hisbah, Al-Imam Al-Mawardi dalam kitabnya Al-Ahkam Al-Sultaniyyah wa Al-Wilayah Al-Diniyyah yang menyatakan bahawa:

Hisbah ialah menegakkan yang makruf apabila ia ditinggalkan secara terang-terangan dan mencegah kemungkaran apabila ia dilakukan secara terang-terangan pula.

Ini merupakan pengenalan secara ringkas mengenai Hisbah dan pensyariatannya berdasarkan dalil Al-Quran dan pendapat ulama mengenainya.

Apa Tindakan Anda Jika...

- ★ **Melihat siswi tanpa musyrif di malam hari :**
Tegur siswi tersebut dengan memberi salam, bertanya adakah siswi tersebut bermusyrif atau tidak, jika tidak, bertanya dari mana dan hendak ke mana, nasihat siswi tersebut agar jangan keluar malam tanpa musyrif atas dasar keselamatan, iring siswi tersebut hingga sampai ke destinasi yang hendak di tuju. Laporkan kepada Unit Hisbah.
- ★ **Melihat pasangan berdua-duaan :**
Tegur pasangan tersebut dengan memberi salam, bertanya tentang status mereka, adakah adik-beradik atau berkhawin, jika tidak, nasihat mereka agar tidak mengulangi perlakuan mereka ini, ambil maklumat peribadi mereka (nama, pengajian, negeri, cawangan) dan laporkan kepada Unit Hisbah negeri/cawangan pasangan tersebut. Jika pasangan tersebut bertindak kasar atau mengancam anda, terus beredar dari tempat tersebut, hubungi Skuad Ronda Hisbah BKAWM (SKROND) jika perlukan bantuan.
- ★ **Melihat maksiat berlaku dan tidak mampu tegur :**
Ambil maklumat berkenaan individu tersebut, kawasan, dan masa, buat rakam gambar jika mampu dan laporkan kepada Unit Hisbah secepat mungkin.
- ★ **Kes kecurian berlaku pada anda :**
Laporkan kepada Unit Hisbah, dapatkan borang Kes Jenayah, isi dengan lengkap dan hantar secepat mungkin bagi tindakan seterusnya.



Hubungi Kami :

Ketua Unit Hisbah : Ustaz Abdul Rahman bin Aminuddin - 011 9422342

Skuad Ronda Hisbah (SKROND) : Ustaz Mohammad Adlly bin Mohammad Bokhari - 011 6010156